

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 30 JULAI 2018 (ISNIN)

SOALAN : 22

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- a) Tahap penguatkuasaan sistem pendaftaran dan pembayaran gaji pemandu *e-hailing*; dan
- b) Perancangan Kementerian untuk memastikan tahap kebajikan para pemandu teksi Konvensional terjaga, selari dengan pendekatan terhadap pemandu *e-hailing*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada 12 Julai yang lalu, Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 dan undang-undang yang berkaitan dengan perkhidmatan *e-hailing* telah mula berkuatkuasa. Dengan ini, hanya Perniagaan Pengantaraan yang dilesenkan dengan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) oleh SPAD, LPKP Sarawak dan LPKP Sabah sahaja dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan kenderaan *e-hailing* di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

Syarikat perniagaan pengantaraan (syarikat *e-hailing*) juga dikehendaki untuk mendaftar semua pemandu-pemandu mereka yang ingin memberikan perkhidmatan *e-hailing*. Sehingga kini, senarai 300 ribu nama telah dikemukakan di Semenanjung Malaysia dan S.P.A.D telah menghantar nama-nama ini kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk saringan rekod jenayah.

Syarikat *e-hailing* diberikan tempoh selama satu (1) tahun untuk memenuhi syarat-syarat tertentu sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP). Untuk pemandu *e-hailing*, syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- i. Tiada sabitan kesalahan jenayah berdaftar;
- ii. Tidak disenarai hitam oleh PDRM dan JPJ dan tidak mempunyai kompaun tertunggak dengan SPAD;
- iii. Lulus pemeriksaan kesihatan; dan

- iv. Hadir dan lulus program latihan pemandu modul baharu selama 6 jam.

Pemandu *e-hailing* tidak dibayar gaji kerana mereka adalah kontraktor bebas kepada syarikat e-hailing. Pendapatan mereka adalah hasil kutipan tambang yang dikenakan kepada penumpang setelah ditolak komisen oleh syarikat e-hailing dan dibayar secara mingguan. Kadar komisen semasa adalah berbeza mengikut pengiraan yang ditetapkan oleh syarikat e-hailing iaitu antara 20% sehingga 25%. Walau bagaimanapun setelah perkhidmatan e-hailing dikuatkuasakan, SPAD telah menetapkan kadar komisen maksima sebanyak 20% sahaja bagi untuk setiap perjalanan bagi pemandu e-hailing. Dengan kata lain, sekiranya seorang penumpang membayar RM10, RM8 untuk pemandu e-hailing manakala RM2 dibayar sebagai komisen kepada syarikat pengantaraan. Untuk bayaran insentif pula, syarikat e-hailing mempunyai rancangan insentif yang tersendiri.

- b) Kerajaan komited untuk terus memastikan tahap kebajikan pemandu teksi konvensional terjaga walaupun telah membuat keputusan untuk mengawalselia perkhidmatan e-hailing.

Dasar kerajaan adalah untuk memastikan persaingan yang sihat iaitu "*level playing field*" antara industri teksi dan ehailing. Penguatkuasaan akta pindaan yang baru akan memberi kesaksamaan kepada kedua-dua pihak untuk bersaing secara sihat dalam memberi tahap perkhidmatan yang tinggi kepada penumpang. Antara syarat-syarat yang telah dikenakan kepada Perkhidmatan *e-hailing* supaya selari dengan Perkhidmatan Teksi

adalah seperti berikut:

(i) syarat-syarat kelayakan permohonan lesen Perniagaan Perantaraan

dikehendaki untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

(ii) syarat-syarat kenderaan

terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang mempunyai taraf 3 bintang tahap piawaian ASEAN NCAP atau setara dengannya; menjalani pemeriksaan berkala di PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh didaftarkan di JPJ.

(iii) syarat-syarat kelayakan pemandu

warganegara Malaysia berumur tidak kurang 21 tahun; tiada sabitan kesalahan jenayah berdaftar; lulus pemeriksaan kesihatan di klinik atau hospital yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan; dan hadir dan lulus program latihan pemandu modul baharu selama 6 jam.

(iv) syarat-syarat operasi

mempunyai perlindungan insurans bagi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga sebelum mana-mana pemandu *e-hailing* dibenarkan untuk beroperasi.

Bagi terus melindungi kebajikan pemandu teksi, Kerajaan turut

menetapkan perkara-perkara berikut:

- i. Pemeriksaan meter bagi kelas lesen teksi hanya perlu dilakukan satu (1) kali setahun berbanding dua (2) kali setahun sebelumnya untuk;
- ii. Pemandu teksi boleh menggunakan kemudahan '*dynamic pricing*' sekiranya mereka mengambil penumpang melalui tempahan dengan syarikat e-hailing dan mengenakan tambang e-hailing; dan
- iii. Kadar komisen maksima yang boleh dikenakan oleh syarikat e-hailing ke atas pemandu teksi adalah sebanyak 10% sahaja bagi setiap perjalanan.

Kerajaan juga turut meneruskan inisiatif berikut:

- i. Memberi lesen teksi individu dan geran tunai RM5,000 kepada pemandu teksi yang layak setelah tamat kontrak 'pajak' dengan syarikat teksi;
- ii. Pemandu teksi sedia ada yang layak akan diberikan bantuan Geran Tunai Kerajaan sebanyak RM5,000 untuk membeli kenderaan baharu jika mereka mendaftar untuk menjadi pemandu sepenuh masa dengan syarikat e-hailing; dan
- iii. Menggalakkan pemandu teksi untuk mencarum di dalam PERKESO iaitu 'Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri' bagi memastikan kebajikan mereka terbela jika berlaku sesuatu kemalangan yang menjejaskan pekerjaan mereka.